

# 90 pelajar antarabangsa rasai pengalaman masuk kampung



**BUDIMAN** (duduk, tengah) bergambar dengan pelajar antarabangsa UPM yang menyertai program Jom Masuk Kampung di Parit 7 Baroh, Sungai Leman, Sekinchan baru-baru ini.

**PENGALAMAN.** Seramai 90 pelajar antarabangsa dari Universiti Putra Malaysia (UPM) merasai pengalaman menjalani kehidupan bersama masyarakat kampung menerusi program Jom Masuk Kampung di Kampung Parit 7 Baroh, Sungai Leman, Sekinchan, Selangor baru-baru ini.

Program selama dua hari itu disertai pelajar dari China, Uzbekistan, Palestin, Arab Saudi, Bangladesh, Thailand dan Indonesia.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Parit 7 Baroh, Samsudin Kontang berkata, kesemua peserta yang merupakan pelajar tahun pertama UPM itu ditempatkan bersama keluarga angkat masing-masing.

"Mereka didedahkan dengan kehidupan keluarga angkat yang kebanyakannya mengusahakan tanaman padi selain menggalakkan perkongsian budaya masyarakat kampung," jelasnya.

Hadir sama pada program itu ialah Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi.